

WOODWARD'S GRIPE WATER ORAL SOLUTION

Natrium Bikarbonat 52.5mg/5ml, Terpeneless Dill Seed Oil (2.3mg/5ml)

Di dalam risalah ini:

1. Apakah kegunaan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*
2. Bagaimana *Woodward's Gripe Water Oral Solution* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*
4. Cara penggunaan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*
5. Semasa menggunakan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*
6. Kesan sampingan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*
Melegakan kembung dan sakit perut terutamanya semasa pertumbuhan gigi.

Bagaimana *Woodward's Gripe Water Oral Solution* berfungsi?

Ubat ini adalah sejenis produk antasid dan antiflatulen. Ia digunakan untuk melegakan kesakitan mencengkam atau gelombang sakit perut yang teruk (kolik bayi) pada bayi

Sebelum menggunakan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*

Perkara yang mesti tidak dilakukan

Jangan berikan ubat ini kepada bayi yang:

- Alergik kepada sebarang bahan di dalam ubat ini
- Bayi yang mempunyai masalah buah pinggang.

-Sebelum menggunakan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*

Ubat ini mengandungi derivatif hidroksibenzoat yang boleh menyebabkan alahan tindak balas (mungkin tertangguh).

- Pengambilan ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika bayi anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubatan lain, termasuk ubatan yang diambil tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*

- Dos yang perlu diambil

- Satu hingga enam bulan:- 1 sudu teh (5ml)
- Enam bulan hingga dua tahun:- dua sudu teh (10ml)
- Dua tahun dan ke atas:- dua ke tiga sudu teh (10ml-15)

Dos ini boleh diberikan semasa atau selepas setiap suapan sehingga 4 kali dalam 24 Jam.

- Bila perlu menggunakannya

Guankannya seperti yang diarahkan oleh doctor atau farmasi anda

- Berapa lamakah perlu menggunakannya

Teruskan pengambilan *Woodward's Gripe Water Oral Solution* selagi doctor anda menyarakannya

- Jika anda terlupa mengambil satu dos

Rujuk doktor atau farmasi anda Langkah yang patut anda lakukan jika anda terlupa untuk menggunakannya.

Ambil dos yang terlepas sebaik

sahaja anda ingat. Jika sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil ubat dan melangkau dos terlepas. Jangan ambil dua kali ganda dos untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika anda mengambil lebih daripada dos sepatutnya

Rujuk doctor atau farmasi anda.

Semasa pengambilan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor anda. Beritahu semua doktor, termasuk doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat bayi/anak anda bahawa bayi/anak anda mengambil *Woodward's Gripe Water Oral Solution*

- Perkara yang mesti tidak dilakukan

Jangan berikan *Woodward's Gripe Water Oral Solution* kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian:

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput yang ditunjukkan. Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

- Perkara yang perlu berhati-hati semasa menggunakan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*

Jika ubat ini membuat anda bayi/kanak-kanak berasa sakit, pening atau letih, atau membuat anda sakit kepala, hubungi doktor anda dengan segera.

Produk perubatan ini mengandungi 1.4mmol (atau 32.2mg) natrium setiap dos. Untuk pertimbangan oleh pesakit yang terlibat dalam diet natrium terkawal.

WOODWARD'S GRIPE WATER ORAL SOLUTION

Natrium Bikarbonat 52.5mg/5ml, Terpeneless Dill Seed Oil (2.3mg/5ml

Jika anda telah diberitahu oleh anda doktor yang anda ada intoleransi terhadap beberapa gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil produk perubatan ini. Ubat ini mengandungi derivatif hidroksibenzoat (E215, E217 dan E219) yang boleh menyebabkan reaksi alahan (mungkin tertangguh).

Kesan sampingan:

Jika bayi/anak anda mengalami kesan sampingan ini, berhenti mengambil produk ini dan jumpa doktor anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (Consumers->Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI))

Penyimpanan dan pelupusan *Woodward's Gripe Water Oral Solution*

- Penyimpanan
Jauhkan ubat dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C.
- Pelupusan
Ubat ini tidak boleh dibuang melalui air sisa atau sampah isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Cecair yang tidak berwarna hingga kuning pucat, bebas daripada sedimen dan jirim dalam ampaian.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Natrium Bikarbonat

52.5mg/5ml

Terpeneless Dill Seed Oil (Minyak Biji Dill) 2.3mg/5ml

Bahan tidak aktif:

Sukros, Glicerol, Perisa, Antibuih M, Polisorbate 80, Nipasept, Natrium and air suling.

MAL number:

MAL17025027XCS

Pengilang:

Olic (Thailand) Limited
166 Bangpa-In Industrial Estate,
Udomsornayuth Road, Moo 16
Bangkrason, Bangpa-In,
Ayutthaya, 13160, Thailand

Pemegang pendaftaran produk:

RB (Health) Malaysia Sdn Bhd
Level 17, Menara One Sentrum.
No. 201, Jalan Tun Sambathan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP:

10 Februari 2023

Nombor siri:

NPRA(R2/1)230329/1034